

# PELUANG KERJAJAYA



**Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:**

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



**IJAZAH  
PENGURUSAN  
DAN  
PROFESIONAL**



**PEGAWAI  
PENGUAT KUASA  
GRED KP41**

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM  
NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**Kekosongan : 30**

**Simpanan : 40**

## 1. Syarat Lantikan

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki:
  - (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis atau Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik; atau
  - (iii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (iv) ijazah sarjana muda undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
  - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

## 2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (kecuali calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(ii)).

## 3. Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penguat Kuasa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Penguatkuasa Gred KP41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## 4. Keperluan Bidang (Ditetapkan oleh Jabatan)

- (a) Ekonomi;
- (b) Perakaunan;
- (c) Kewangan;
- (d) Teknologi Maklumat; atau
- (e) Pengurusan Perniagaan.

## 5. Keperluan Tambahan

Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan/ kelulusan ijazah sarjana muda yang telah diiktiraf oleh senat universiti/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

## 6. Maklumat Syarat Lantikan

**Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :**  
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/ijazah-sarjana-phd/pegawai-penguatkuasa-gred-kp41>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas **tidak perlu mendaftar semula sekiranya permohonan masih dalam tempoh sah laku pada tarikh tutup iklan.** Walau bagaimanapun, calon perlu memastikan pusat temu duga dikemas kini pada atau sebelum tarikh tutup iklan. Hanya permohonan calon yang diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses. Tarikh tutup permohonan bagi urusan pengambilan ini adalah sebelum atau pada **25 Julai 2021 (Ahad), jam 11.59 malam.**

**MOHONLAH SECARA *ONLINE* DI**



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia\_gov



spa.malaysia



SPAJPM